KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	19.04.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JMG			

BH 190422

4

Penilaian EIA bukan 'lesen' terus projek NR-REE di Kenering

Ipoh: Penilaian impak alam sekitar (EIA) yang diperoleh bagi projek rintis perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di Mukim Kenering, Hulu Perak, tidak seharusnya dijadikan 'lesen' meneruskan projek itu.

Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata ia kerana banyak projek lain sebelum ini menghasilkan impak negatif kepada alam sekitar biarpun sudah memperoleh EIA.

"Sekarang, EIA sudah menjadi seakan tiket atau lesen untuk menghalalkan cara. Sesiapa sahaja boleh mengatakan mereka buat EIA, namun persoalannya adakah EIA itu boleh benar-benar memastikan projek itu mematuhi syarat yang ditetapkan?

"Tidak mustahil selepas ini banyak pihak akan guna alasan mereka mempunyai 'EIA' untuk mengambil kesempatan meneroka kawasan sensitif, termasuk di kawasan Taman Negara apabila melihat kawasan sensitif sedia ada pun boleh dilombong 'bermodalkan' EIA," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau juga mendakwa projek itu seakan memperjudi nasib alam sekitar dan kenyataan bahawa ia hanya akan dihentikan jika memberi impak negatif, khususnya terhadap alam sekitar, hanya untuk 'menyedapkan' telinga.

"Turut mencetuskan persoalan, jika ternyata ia memberi impak negatif, adakah projek itu akan ditarik semula dan dihentikan secara keseluruhannya atau hanya membabitkan pemberhentian sementara melalui perintah larangan menjalankan kerja.

"Penarikan semula projek sudah tentu beri implkasi lain babitkan pembayaran wang pampasan dengan jumlah besar oleh pihak yang berhasrat membatalkan perjanjian berkaitan projek terbabit. Setahu kami, kerajaan tidak pernah memberhentikan atau tarik balik kelulusan projek yang didapati memberi impak negatif terhadap alam sekeliling.

"Sebaliknya cuma memerintahkan agar kerja-kerja bagi projek itu dihentikan sementara dan dibenarkan beroperasi semula apabila keadaan menjadi baik. Jadi adakah kerajaan sanggup untuk hentikan projek itu dan bayar pampasan kepada syarikat berkenaan jika impaknya negatif terhadap alam?," katanya.

Kelmarin, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dilaporkan berkata, cadangan projek perlombongan NR-REE di Mukim Kenering di Hulu Perak tidak akan diteruskan sekiranya projek rintis yang dijalankan menemui impak negatif kepada alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.